# LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN 2010

Jabatan Audit Negara

# ISI KANDUNGAN

# MUKA SURAT


| | |
|---|---|
| Pernyataan Korporat | 2 |
| Sejarah Penubuhan | 10 |
| Mantan Ketua Audit Negara | 14 |
| Perutusan Ketua Audit Negara | 16 |
| Selayang Pandang | 20 |
| Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 | 22 |
| Carta Organisasi Jabatan | 24 |
| Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Persekutuan | 28 |
| Laporan Aktiviti Sektor Audit Kerajaan Negeri | 42 |
| Laporan Aktiviti Cawangan Audit Negeri | 48 |
| Laporan Aktiviti Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan | 96 |
| Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri | 102 |
| Laporan Aktiviti Sektor Audit Khas & Penyelidikan | 114 |
| Laporan Aktiviti Sektor Pengurusan | 128 |
| Laporan Aktiviti Akademi Audit Negara | 144 |
| Diari Peristiwa | 148 |
| Persidangan Sektor-Sektor | 154 |
| Kursus-Kursus di Jabatan | 162 |
| Penerima Pingat dan Darjah Kebesaran Warga Jabatan | 166 |
| Jasamu Dikenang | 170 |
| Laporan Kelab dan Persatuan Jabatan | 180 |
| Liputan Akhbar Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 | 190 |




KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG

# PERNYATAAN KORPORAT

## LOGO JABATAN AUDIT NEGARA

## KETERANGAN LOGO

| | |
|---|---|
| **Lambang Persekutuan** | Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada Ketua Audit Negara bagi mengaudit akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri |
| **Dua Tangkai Padi** | Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh Jabatan Audit Negara |
| **Bentuk Bulat** | Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi |
| **Warna Maroon** | Melambangkan imej korporat dan identiti Jabatan Audit Negara |
| **Warna Kuning** | Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik Ketua Audit Negara atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja |
| **Warna Putih** | Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam |

## PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

Ketua Audit Negara dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

## MANDAT AUDIT

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab Ketua Audit Negara untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

Ketua Audit Negara berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajipannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, Ketua Audit Negara juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh Ketua Audit Negara berkaitan dengan kewajipannya adalah rahsia.

## VISI

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020.

## MISI

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Badan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam.

## OBJEKTIF

- Menjadikan Laporan Audit yang berkualiti dan *timely* untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan
- Menjadi Jabatan contoh

## PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan sijil audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

## OBJEKTIF KUALITI

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh 4 bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh 3 bulan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 tahun.

## DASAR KUALITI

- Jabatan Audit Negara adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Jabatan Audit Negara adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

## SLOGAN KUALITI

'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti'

## BUDAYA KORPORAT

### Integriti
Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit

### *Esprit de Corps*
Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi.

### Bertanggungjawab
Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan.

### Profesionalisme
Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

### Kebebasan
Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957

### Kualiti
Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan

# PERANCANGAN STRATEGIK 2008-2010

Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara bagi tahun 2008 hingga 2010 merupakan usaha Jabatan bagi merangka strategi atau matlamat dan membuat keputusan berkenaan pengagihan sumber untuk membantu Jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Perancangan ini disediakan dengan mengambil kira keperluan untuk menyesuaikan peranan Jabatan selaras dengan perkembangan semasa.

Matlamat utama perancangan strategik ini adalah untuk memupuk dan memantapkan prinsip-prinsip akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam, mengeluarkan Laporan Audit yang berkualiti dan memperkasa Jabatan ke arah organisasi yang cemerlang bersesuaian dengan peranan Jabatan untuk memastikan kemantapan akauntabiliti awam serta membantu Kerajaan melaksanakan dasar dengan berhemah, cekap dan berkesan.

**TERAS 1:**
**Pengukuhan Organisasi Melalui Latihan**

- Membangunkan sumber manusia bagi memperkasa modal insan
- Komitmen terhadap budaya pembelajaran berterusan
- Memantapkan institusi latihan
- Berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan institusi Audit negara luar

**TERAS 2:**
**Pengauditan Yang Berkualiti, Cekap, Berkesan Dan Berhemah**

- Pengauditan berkualiti melalui pematuhan kepada standard pengauditan antarabangsa
- Memantapkan sistem dan prosedur pengauditan
- Menceburi bidang pengauditan baru bersesuaian dengan perkembangan semasa
- Penggunaan teknik dan metodologi pengauditan terkini

**TERAS 3:**
**Laporan Ketua Audit Negara Yang Berkualiti**

- Meningkatkan kualiti laporan secara berterusan
- Impak positif untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan dan akauntabiliti sektor awam

# KOD ETIKA JURUAUDIT

Kod Etika dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota Audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.




KPPK
JABATAN AUDIT NEGARA

# SEJARAH AWAL PENUBUHAN

# 2

# SEJARAH AWAL PENUBUHAN



Pejabat Ketua Audit Negara bagi tempoh 1906 hingga 1951 ditempatkan bersama dengan pejabat yang lain di bangunan Sultan Abdul Samad Clarke Street,Kuala Lumpur.

Institusi Audit Negara di Tanah Melayu dikesan bermula pada awal abad ke-20 iaitu semasa zaman penjajahan Inggeris. Institusi ini merupakan salah satu organisasi perkhidmatan awam yang diperkenalkan oleh penjajah Inggeris bagi mengukuhkan sistem pentadbiran kewangan Kerajaan pada masa itu. Ia diwujudkan secara berasingan di 4 buah Negeri Melayu Bersekutu iaitu Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang dan 3 Negeri Selat iaitu Melaka, Pulau Pinang dan Singapura.

Di setiap Negeri Melayu Bersekutu, Institusi ini dikenali dengan nama *Audit Office* dan diketuai oleh *State Auditor*. Dengan dibantu kakitangan seramai lebih kurang 10 orang, *State Auditor* ini juga dikenali sebagai *Revenue Auditor* bertanggungjawab mengaudit akaun Perbendaharaan Negeri masing-masing terutamanya hasil negeri. Ibu pejabat bagi *Audit Office* ini terletak di Kuala Lumpur dan diketuai oleh seorang *Chief Auditor*. Beliau yang mempunyai kakitangan seramai lebih kurang 40 orang menyelaras tugas pengauditan di peringkat negeri selain daripada menyediakan laporan untuk dikemukakan kepada Ratu England.

Institusi Audit Negara yang lebih tersusun dari segi struktur dan bidang tugasnya bermula pada 26 November 1906. Ia merupakan tarikh bersejarah apabila jawatan *Auditor-General of the Federated Malay States* yang pertama diwujudkan bagi menggantikan jawatan *Chief Auditor*. Bekas Setiausaha Residen British Negeri Perak pada ketika itu, W.J.P Hume telah dilantik bagi memegang jawatan ini. Bagi Negeri-Negeri Selat pula, Institusi Audit dikesan wujud di akhir abad ke-19 namun ianya berpusat di Singapura dan hanya melibatkan 2 negeri di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang dan Melaka.



Pejabat Ketua Audit bagi tempoh 1951 hingga 1965 ditempatkan di salah sebuah Bangunan Hospital Tanglin, Jalan Yang, Kuala Lumpur.

Antara tahun 1906 hingga 1931 kedua-dua Institusi ini terus wujud secara berasingan antara Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat dan mengalami berbagai perubahan pada skop kerja dan perjawatannya selaras dengan keperluan semasa. Pada tahun 1932 satu penstrukturan semula telah dilakukan oleh pihak Inggeris di mana kedua-dua Institusi ini digabungkan dan dikenali dengan nama *Audit Department Of The Straits Settlements And The Federated Malay States*. Semasa pihak Inggeris meluaskan pengaruhnya ke Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu ia turut memperkenalkan bersama Institusi ini apabila pada tahun 1934 *Auditors of the Straits Settlements and the Federated Malay States* dilantik menjadi *Audit Advisor* di negeri-negeri tersebut. Sejak daripada itu sistem pengauditan yang lebih menyeluruh tersebar ke semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Jumlah kakitangan keseluruhan Pejabat Audit telah meningkat daripada 40 jawatan pada tahun 1906 kepada 140 jawatan pada tahun 1932 menunjukkan peningkatan beban kerja selaras dengan perkembangan sistem pentadbiran Kerajaan pada masa itu.

Semasa Perang Dunia Kedua meletus antara tahun 1941 hingga 1946, Institusi ini telah dikuasai oleh Penjajah Jepun. Walaupun tidak banyak maklumat yang diperolehi, namun adalah dipercayai pemerintah Jepun tidak melakukan banyak perubahan berkaitan bentuk pengauditan dan pelaporan yang diamalkan.

Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, jawatan *Auditor General Of The Federation Of Malaya* mula dikenali dengan nama Juru Odit Negara Persekutuan Tanah Melayu. Sejak dari tahun ini juga peranan dan fungsi Institusi Audit Negara menjadi semakin penting.

Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan Juru Odit Negara masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan Ketua Audit Negara yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum dari tarikh ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.



Pejabat Ketua Audit bagi tempoh 1965 hingga 2001 di Jalan Yang (Jalan Cenderasari), Kuala Lumpur.



Pejabat Ketua Audit bagi tempoh 2001 hingga 2004 ditempatkan di Aras 6-9, Parcel D, Blok D2, Pusat Pentadbiraan Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.




Pejabat Ketua Audit bagi tempoh 2005 hingga sekarang ditempatkan bersama dengan pejabat kerajaan yang lain di Kompleks Lot 2G4, Presint 2, Putrajaya.


AUDIT NEGARA
MALAYSIA

# MANTAN KETUA AUDIT NEGARA

3

*Auditor General of the Federated Malay States/States of the Straits Settlement*
1906 – 1911 W.J.P Hume
1911 – 1919 F.W Talbot
1919 – 1931 G.P Bradney

*Auditor General of the Colonial Administration*
1932 – 1936 G.P Bradney
1936 – 1946 L.G Corney

*Auditor Malayan Union*
1946 – 1947 R. McDonald

*Director of Audit, Malaya*
1948 – 1951 R. McDonald
1951 – 1954 C.W.S Seed



H.M.Watson
(1957 – 1960)



D.G. Bompas
(1960 – 1966)



S. Kandiah
(1966 – 1969)



Haji Mohd Zain
bin Ahmad
(1969 – 1975)



Tan Sri Ahmad Noordin bin
Haji Zakaria
(1975 – 1986)



Tan Sri Dato' Ishak
bin Tadin
(1986 – 1994)



Datuk Haji Mohd. Khalil
bin Dato' Haji Mohd Noor
(1994 – 2000)



Tan Sri Dr. Hadenan
bin A. Jalil
(2000 - 2006)

# PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

# 4




Salam Sejahtera serta Salam 1 Malaysia

Bersyukur kehadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Audit Negara Tahun 2010 dapat disiap dan diedarkan. Tahun 2010 merupakan tahun yang begitu sibuk bagi Jabatan ini. Sepertimana sedia maklum, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju dan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Program Transformasi Ekonomi (ETP) merupakan satu program nasional bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi bagi merealisasikan Wawasan 2020. Seiring dengan ETP, inisiatif Program Transformasi Kerajaan (GTP) diperkenalkan bagi memastikan jentera pengurusan negara berjalan dengan efektif dan efisien melalui pelbagai perubahan dan penambahbaikan cara bekerja dalam sektor awam, pembangunan modal insan berterusan dan peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan juga lebih fokus dalam perancangan pembangunannya dengan menetapkan Bidang Keberhasilan Utama di peringkat Nasional (NKRA) dan Kementerian-Kementerian (MKRA) serta menentukan indikator pengukuran prestasi (KPI) bagi mengukur tahap pencapaian pelaksanaan program yang dirancang.

Tahun 2010 merupakan tempoh akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia ke-9. Selaras dengan itu, aktiviti pengauditan prestasi projek-projek pembangunan Kerajaan telah dilaksanakan dengan menekankan kepada aspek *value for money*. Sebanyak 11 projek di bawah Pakej Program Rangsangan Ekonomi telah diaudit. Sepanjang tahun 2010, Jabatan telah terlibat secara langsung membantu Kerajaan mengambil tindakan susulan atas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2008 melalui Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Ketua Audit Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Tanggungjawab utama Pasukan ini ialah untuk menentukan tindakan diambil terhadap pihak-pihak yang didapati cuai atau sengaja melanggar peraturan dan prosedur dalam pengurusan wang awam seperti dilaporkan di dalam LKAN. Disamping itu Jabatan ini juga telah membantu Pasukan Petugas Khas Menyiasat skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) berkaitan dengan isu penyelewengan dan amalan tadbir urus yang lemah.

Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti (AI) telah membuktikan kedampakannya. Ia bukan sahaja diterima baik oleh agensi-agensi Kerajaan sebagai instrumen penilaian terhadap pengurusan kewangan agensi tetapi pelaksanaannya telah memberikan impak yang signifikan kepada peningkatan tahap kualiti pengurusan kewangan agensi tersebut sejak ia dilaksanakan pada tahun 2007. Agensi-agensi Kerajaan juga telah memberikan tumpuan lebih serius kepada aspek pengurusan kewangan masing-masing.

Di dalam kesibukan melaksanakan fungsi pengauditan, Jabatan ini tetap memberikan tumpuan yang sama untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pengurusan bagi memantapkan aspek pengurusan organisasi dan profesionalisme. Dalam hal ini, Jabatan telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008 selepas melepasi *Surveillance Audit* yang dijalankan oleh SIRIM Qas Sdn. Bhd. Jabatan juga telah menerima Sijil Amalan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk Ibu Pejabat dan cawangannya di Perak serta Sarawak. Kedua-dua instrumen pengurusan ini akan dapat membantu usaha Jabatan untuk mencapai matlamatnya menjadi sebuah jabatan contoh.

Sepanjang RMKe-9, Kerajaan telah memberikan peruntukan pembangunan kepada Jabatan ini untuk membina bangunan pejabat cawangannya di 6 buah negeri. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana. Namun begitu di akhir RMKe-9, hanya bangunan pejabat Cawangan Audit Negeri Perak sahaja dapat disiapkan dan digunakan manakala yang lain telah terlewat daripada jadual dan terpaksa di sambung ke RMKe-10.

Selamat Maju Jaya



**TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG**
Ketua Audit Negara Malaysia

GARIS PANDUAN PENGAUDITAN
Air Tidak Berhasil (NRW)

# SELAYANG PANDANG

# 5

# IMBASAN RINGKASAN PERISTIWA DAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2010

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 26 Januari | Seminar Keberhasilan Utama Di Peringkat Nasional (NKRA), Port Dickson, Negeri Sembilan |
| 9 Februari | Majlis Menandatangani *Memorandum of Understanding* (*MoU*) di antara Jabatan Audit Negara/Akademi Audit Negara dengan pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) di Dewan Angsana Tiga, EDC UUM |
| 31 Mac | Program Kerjasama-Latihan Sambil Belajar Pelajar dari *Supreme Audit Institution* Cambodia |
| 2 Mei | Terbitan Jurnal Jabatan Audit Negara |
| 23-28 Mei | Mesyuarat Teknikal Kedua di antara Jabatan Audit Negara Malaysia dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPKRI) di Sheraton Mustika Yogjakarta Resort & Spa, Daerah Istimewa Yogjakarta, Indonesia. |
| 4 Jun | Penganugerahan Darjah Kebesaran Pingat Panglima Jasa Negara (P.J.N) kepada YBhg. Dato' Azizah Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) yang membawa gelaran Datuk |
| 20 Jun -2 Julai | Kursus *Performance Audit* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme* - MTCP) |
| 26-28 Ogos | Pengauditan *Surveillance* oleh SIRIM Qas Sdn. Bhd. |
| 25 September | Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Audit Negara |
| 26 September | Mini Sukan Hari Audit Se-Malaysia |
| 27 September | Persijilan Amalan 5S oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) |
| 27-28 September | Hari Audit Se-Malaysia/Hari Inovasi/Persidangan Juruaudit |
| 25 Oktober | Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 di Dewan Rakyat |
| 21 November - 3 Disember | Kursus IT Audit di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP)* |
| 30 November | Seminar *on Enhancing Auditor's Performance Towards Ensuring Accountability* |
| 1-3 Disember | Persidangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Tahun 2010 |
| 1-3 Disember | Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2010 |
| 7-10 Disember | Persidangan Akademi Audit Negara Tahun 2010 |
| 8-9 Disember | Persidangan Sektor Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2010 |
| 9-11 Disember | Persidangan Sektor Pengurusan Tahun 2010 |
| 20-22 Disember | Persidangan Sektor Audit Khas & Penyelidikan Tahun 2010 |
| 30 Disember | Majlis Menandatangani Perjanjian Program Sangkutan Di Firma Audit Swasta |

# PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009

6

# PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2009





Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Tuan Yang Terutama yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri (DUN). Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 telah dibentangkan di Parlimen pada 25 Oktober 2010. Manakala Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2009 telah dibentangkan pada 14 Disember 2010. Tarikh Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 di DUN adalah seperti berikut :

| BIL. | NEGERI | PEMBENTANGAN DUN |
|---|---|---|
| 1 | Terengganu | 6 April 2010 * |
| 2 | Pulau Pinang | 1 November 2010 |
| 3 | Sarawak | 1 November 2010 |
| 4 | Melaka | 1 November 2010 |
| 5 | Kelantan | 8 November 2010 |
| 6 | Selangor | 8 November 2010 |
| 7 | Kedah | 14 November 2010 |
| 8 | Sabah | 22 November 2010 |
| 9 | Johor | 23 November 2010 |
| 10 | Negeri Sembilan | 26 November 2010 |
| 11 | Perak | 30 November 2010 |
| 12 | Pahang | 30 November 2010 |
| 13 | Perlis | 14 Disember 2010 |


Nota: * Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008

# CARTA ORGANISASI JABATAN

7


SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (P)
BAHAGIAN SOSIAL & KESELAMATAN PENGARAH
BAHAGIAN KEWANGAN PENGARAH
CAWANGAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN KESIHATAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN 1 TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PENDIDIKAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PERTAHANAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN JABATAN PERDANA MENTERI TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN KERJA RAYA TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN 2 TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN 3 TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PENERANGAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN KEWANGAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN SYARIKAT KERAJAAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN CUKAI PENDAPATAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN KASTAM TIMBALAN PENGARAH AUDIT
CAWANGAN PENGANGKUTAN TIMBALAN PENGARAH AUDIT
SEKTOR PENGURUSAN PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
CAWANGAN PENGURUSAN KOMPETENSI & PRESTASI
CAWANGAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
SEKSYEN KAUNSELING
BAHAGIAN KEWANGAN & PENTADBIRAN TIMBALAN PENGARAH
CAWANGAN KEWANGAN
CAWANGAN PENTADBIRAN
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT TIMBALAN PENGARAH
SEKSYEN OPERASI & RANGKAIAN
SEKSYEN APLIKASI
BAHAGIAN TEKNIKAL TIMBALAN PENGARAH
AKADEMI AUDIT NEGARA PENGARAH
BAHAGIAN AKEDEMIK TIMBALAN PENGARAH
SEKOLAH PENGAUDITAN
SEKOLAH PERAKAUNAN
SEKOLAH PENGURUSAN
SEKOLAH ICT
BAHAGIAN PENGURUSAN TIMBALAN PENGARAH
SEKSYEN PEMBANGUNAN & PENYELARASAN
BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT TIMBALAN PENGARAH

## CARTA ORGANISASI JABATAN AUDIT NEGARA




PROGRAM PENGURUSAN

PROGRAM PENGAUDITAN


BERTAMBAH MUTU
CARTA PERGERAKAN PEGAWAI & KAKITANGAN
BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT
JABATAN AUDIT NEGARA
NAMA
JAWATAN
Noorizani Bt. Che Muhamad
Timbalan Pengarah
Khairul Azrin Bin Mod Rifat
Penolong Pengarah Audit
Suraya Binti Adnan
Penolong Pengarah Audit
Mohd Sazali Bin Mohd Saad
Penolong Pengarah Audit
Mohd Nasrul Ekram Bin Hj. Adzahar
Penolong Pengarah Audit
Fazliana Binti Mohd Razali
Penolong Juruaudit
Sharifah Khadijah Binti Syed Mohamed
Penolong Juruaudit
Maznah Binti Adnan
Penolong Juruaudit
Isam Bin Ismail
Penolong Juruaudit
Maizety Binti Mohd Saat
Penolong Juruaudit
Pembantu Tadbir
Pembantu Tadbir
Pembantu Khidmat Singkat

# LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN

8



TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PERSEKUTUAN)
Datuk Azizah binti Hj. Arshad



PENGARAH SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN (SOSIAL & KESELAMATAN)
Dato' Mustafa bin Hj. Saman



PENGARAH SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN (KEWANGAN)
Lau Tze Ngiik







1. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (KDN)
   Ang Nai Har
2. TIMBALAN PENGARAH AUDIT(KESIHATAN)
   Mohd Said bin Supar
3. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (JPM)
   Nor Salwani binti Hj. Muhammad
4. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PENDIDIKAN)
   Hj. Mohd Zaki bin Ismail
5. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PERTAHANAN)
   Hjh. Noraini binti Abdul Wahab
6. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (KERJA RAYA)
   Abd. Aziz bin Shaari
7. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PERTANIAN)
   Paul Chai Sin Ngee
8. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PKJ II)
   Allias bin Alwi
9. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PKJ III)
   Sharifah Zarina binti Syed Ahmad




10. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (SYARIKAT)
    Yusnani binti Zakaria
11. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (KEWANGAN)
    Wan Bushra binti Wan Yusoff
12. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (CUKAI)
    Muhammad Iskandar binti Hj. Mokhtar
13. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (KASTAM)
    Raftah binti Ibrahim
14. TIMBALAN PENGARAH AUDIT (PENGANGKUTAN)
    Teh Kamsiah binti Ahmad Amiruddin

## PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diterima daripada Jabatan Akauntan Negara pada 8 Mac 2010. Pengauditannya telah selesai dijalankan dan sijil bersih telah dikeluarkan pada 26 Mei 2010.



Penyerahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Persekutuan Tahun 2009 oleh YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud, Akauntan Negara Malaysia kepada YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) pada 8 Mac 2010

## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

Mulai 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) dalam pengauditan pengurusan kewangan dengan memberikan markah terhadap tahap pematuhan oleh Kementerian/Jabatan yang diaudit. Pengiraan markah ini akan membolehkan Jabatan memberikan *rating* dan juga *ranking* Kementerian/Jabatan terlibat.

Setiap Kementerian/Jabatan akan dinilai berdasarkan hasil pengauditan terhadap kriteria yang telah ditetapkan bagi setiap indikator/sub indikator di bawah 6 elemen yang disebut di atas dan juga hasil analisis prestasi kewangan sesuatu tahun kewangan. Hasil penilaian akan diberi skor antara 1 hingga 4 berdasarkan tahap pematuhan Kementerian/Jabatan terhadap undang-undang/peraturan kewangan. Skor yang diperolehi akan dijumlahkan berasaskan wajaran yang ditetapkan bagi mendapat markah keseluruhan.

Secara umumnya, sesuatu Kementerian/Jabatan akan diberi tahap prestasi pengurusan kewangan berdasarkan markah keseluruhan seperti berikut:


| MARKAH KESELURUHAN | TAHAP | PENARAFAN |
|---|---|---|
| 90 - 100 | Cemerlang (Sangat Baik) | ★★★★ |
| 70 - 89 | Baik | ★★★ |
| 50 - 69 | Memuaskan | ★★ |
| 49 ke bawah | Tidak Memuaskan | ★ |

Pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010 dilaksanakan di kesemua 25 Kementerian dan 4 Jabatan wajib iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Bagi Jabatan Pengangkutan Jalan, kesemua cawangan di 13 negeri telah dipilih untuk diaudit. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di 37 Jabatan Persekutuan lain yang dipilih mengikut giliran pusingan bagi tempoh 3 tahun.


Manakala bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 pula, Pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) telah dilaksanakan di kesemua 25 Kementerian dan 44 Jabatan Persekutuan (termasuk Lembaga Hasil dalam Negeri, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 berdasarkan pengauditan yang dilaksanakan untuk Kerajaan Persekutuan adalah seperti di carta berikut:

## PENARAFAN PENGURUSAN KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009


**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (AI) KEMENTERIAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2009**




**PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN (AI) JABATAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2009**



## PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 DAN 2009




**Nota :**

**Berikutan daripada pengumuman kabinet baru pada bulan April 2009, status 5 Kementerian adalah seperti berikut:**

a. **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan.**
b. **Kementerian Penerangan telah dicantumkan dengan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan dan dikenali sebagai Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan.**
c. **Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air.**
d. **Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi telah dibubarkan**

## PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2010, sebanyak 75 pengauditan prestasi yang melibatkan aktiviti Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai, ICT, projek peningkatan sosioekonomi serta projek Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Tahun 2010. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan adalah seperti di jadual dan carta berikut:


### PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2010

| TAJUK |
|---|
| 1. Pengurusan Pusat Pemulihan Pengagihan Narkotik (PUSPEN), Agensi Antidadah Kebangsaan |
| 2. Pengurusan Barang Kes Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Polis Diraja Malaysia |
| 3. Sistem Aplikasi Imigresen Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia |
| 4. Kerja-kerja Pembaikan Dan Ubahsuai Jabatan Penjara Malaysia (PRE 2) |
| 5. Pengurusan Penyenggaraan Rumah Kediaman (Kuarters) |
| 6. Pengurusan Perolehan Peralatan Hospital Dan Pergigian |
| 7. Pengurusan Pembangunan Hospital Queen Elizabeth Dan Pembelian Sabah Medical Center |
| 8. Pengurusan Aktiviti Rawatan Rehabilitasi |
| 9. Pengurusan Kenderaan Bukan Ambulan Di Hospital Dan Pejabat Kesihatan |
| 10. Pembinaan Klinik Desa 2 Dan Unit Kuarters Kelas G |
| 11. Perolehan *Next Generation Communication System* (NGCS) |
| 12. Perolehan Kontrak Berpenggal Bagi Kerja-kerja Penyenggaraan Sungai & Jalan Di Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| 13. Pengurusan Bayaran Faedah Persaraan Dan Faedah Pemberhentian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam |
| 14. Pengurusan Cukai Tanah Di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar |
| 15. Pengurusan Peralatan Bagi Projek Pembinaan Makmal *Assembly Integration & Test* (AIT) Dan Makmal Lain Di Pusat Angkasa Negara |
| 16. Projek Makmal Komputer Sekolah |
| 17. Pembinaan Bilik Darjah Pasang Siap (Kabin), Perabot Dan Peralatan Di Sekolah |
| 18. Projek Bekalan Air Bersih Ke Sekolah-Sekolah Luar Bandar Melalui Sistem Telaga Tiub |
| 19. Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Oleh Kementerian Pengajian Tinggi |
| 20. Pengurusan Pasukan Simpanan Tentera Darat Di Kementerian Pertahanan (Pengurusan Askar Wataniah) |
| 21. Projek Pembinaan Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM – PRE 2) |

| TAJUK |
|---|
| 22. Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Khas Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) |
| 23. Pembinaan Pelbagai Bangunan Kegunaan Rumah Sakit Dan Kelas Agama Di Kem Lok Kawi, Sabah (PRE 2) |
| 24. Pelaksanaan *Offset* Program Di Kementerian Pertahanan |
| 25. Perolehan Sistem P4 Angkatan Tentera Malaysia |
| 26. Projek Pembangunan Kem Muara Tuang, Kuching, Sarawak |
| 27. Aktiviti Penguatkuasaan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) |
| 28. Pengurusan Mewujudkan Hub Pengujian Bagi *Software* (MSTB) |
| 29. Projek Pembinaan Pusat Latihan Islam (JAKIM) |
| 30. Program Pembasmian Kemiskinan |
| 31. Program Penurapan Jalan Oleh Syarikat Konsesi (PRE 2) |
| 32. Pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang |
| 33. Perkhidmatan Perunding Bagi Projek-projek Kerajaan |
| 34. Program Pembangunan Kampung Tradisional Dan Tersusun Oleh Jabatan Kerajaan Tempatan |
| 35. Menaiktarafkan Jalan Dari Pekan Nenas Ke Tg. Piai, Pontian (PRE 2) |
| 36. Program Makanan Tambahan Untuk Kanak-kanak Tadika Dan Taska, KEMAS |
| 37. Perolehan Bot Jabatan Taman Laut |
| 38. Pengurusan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Di Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia |
| 39. Keberkesanan Program Kemahiran Wanita Di Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat |
| 40. Pengurusan Bekalan Elektrik Luar Bandar Di Bawah Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBF) |
| 41. Pembinaan Bangunan Tambahan Perpustakaan Negara Malaysia |
| 42. Pengurusan Insentif Peningkatan Hasil Padi |
| 43. Projek Membina/Menaik Taraf Jeti/Kompleks Pendaratan Ikan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) |
| 44. Pembangunan Pusat Fidlot Nasional |
| 45. Pengurusan Pinjaman Projek |
| 46. Pengurusan Pendahuluan Kepada Kontraktor – *Across The Board* |
| 47. Pengurusan Projek *Private Finance Initiative* (PFI) – *Across The Board* |
| 48. Pengurusan Akaun Belum Terima – *Across The Board* |
| 49. Pengurusan Cukai Pendapatan Terhadap Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) |
| 50. Pengurusan Cukai Pendapatan Pegawai Dalam Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) |
| 51. Pengurusan Guaman Sivil |
| 52. Pengurusan Aktiviti Unit Audit Meja Bagi Individu Berpendapatan Perniagaan (OG) |

| TAJUK |
| --- |
| 53. Pengurusan Aktiviti Kutipan Cukai Perkhidmatan Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 54. Pengurusan Aktiviti Pulang Balik *(Refund)* & Tarik Balik *(Drawback)* Cukai/Duti Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 55. Pengurusan Kawalan Gudang Berlesen Jabatan Kastam Diraja Malaysia |
| 56. Projek Sistem Pengendalian Bagasi Di KLIA Ke ERL |
| 57. Pembinaan Pejabat Bahagian Teknologi Maklumat/Pusat Pangkalan Data, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan |
| 58. Pengurusan Syarikat Kerajaan Di Bahagian Pelaburan, MKD Dan Penswastaan |
| 59. Pengauditan Terhadap Syarikat Konsesi Lebuhraya – Lebuhraya Damansara Puchong |
| 60. Tuntutan Subsidi Dan Perkhidmatan Udara Luar Bandar |
| 61. Pengurusan *Export-Import* Bank Of Malaysia Berhad |
| 62. Pengurusan Dana Seed Di Malaysian Bio Technology Corporation Sdn Bhd |
| 63. Peruntukan Khas Yang Disalurkan Kepada Syarikat Mardec Berhad Dan Pematuhan Terhadap Syarat Perjanjian Penswastaan |
| 64. Bayaran Bantuan Kewangan Kerajaan Atas Laluan Obligasi Perkhidmatan Awam Oleh Malaysia Airlines System Berhad |
| 65. Perolehan Baja Oleh Felcra Bhd |
| 66. Projek Pembinaan Rumah Mampu Milik Oleh SPNB |
| 67. Urusan Perolehan Input Pertanian (Dividen) Oleh Felcra Berhad |
| 68. Pengesahan Bayaran *User Fee* Di Malaysia Airport Holdings Bhd |
| 69. *Due Diligent* Terhadap 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) Bagi Menentukan Harga Pertimbangan Pengambilalihan |
| 70. Pembinaan Jambatan Persekutuan Di Sg. Pedas, Beaufort |
| 71. Projek PPR Terbengkalai Di PPR Kiansom Dan Bukit Padang |
| 72. Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Di Negeri Sabah – (PRE 2) |
| 73. Penyenggaraan Jalan Raya Persekutuan Di Sarawak – (PRE 2) |
| 74. Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan Di Sarawak |
| 75. Projek Pembinaan Penjara Baru, Kuching, Sarawak |

## PERATUSAN PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2010 (MENGIKUT JENIS AKTIVITI)




## PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pada tahun 2010, Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 7 Syarikat Kerajaan Persekutuan, di mana lebih daripada 50% modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Syarikat yang diaudit adalah seperti di jadual berikut:

### PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT TAHUN 2010

| BIL. | SYARIKAT |
|---|---|
| 1 | Amanah Raya Berhad |
| 2 | Rapid Penang Sdn. Bhd. |
| 3 | Felcra Agro Industry Sdn. Bhd. |
| 4 | Malaysian Bio Technology Corporation Sdn. Bhd. |
| 5 | IJN College Sdn. Bhd. |
| 6 | Pembinaan BLT Sdn. Bhd. |
| 7 | Astronautic Technology Sdn. Bhd. |

## PENGAUDITAN LAIN

### 1. Kajian Khas

Pengauditan ini dilaksanakan oleh Cawangan Audit Syarikat Kerajaan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat/*stakeholder* serta bagi memenuhi keperluan/syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2010 adalah seperti di jadual berikut:

**KAJIAN KHAS ATAS PERMINTAAN AGENSI PUSAT/*STAKEHOLDER* TAHUN 2010**

| | TAJUK KAJIAN |
|---|---|
| 1 | Tuntutan Subsidi & Perkhidmatan Udara Luar Bandar Oleh MASwings Sdn. Bhd. |
| 2 | Pengurusan *Export-Import* Bank Of Malaysia Berhad. |
| 3 | Peruntukan Khas Yang Disalurkan Kepada Syarikat MARDEC Berhad Dan Pematuhan Terhadap Syarat Perjanjian Penswastaan. |
| 4 | Bayaran Bantuan Kewangan Kerajaan Ke Atas Laluan Obligasi Perkhidmatan Awam Oleh Malaysia Airline System Berhad. |
| 5 | Perolehan Baja Oleh Felcra Bhd. |
| 6 | Projek Pembinaan 36 Rumah Mampu Milik Oleh SPNB. |
| 7 | Urusan Pengagihan Pendapatan (Dividen) Kepada Peserta Projek Pemulihan Tanah Milik Oleh Felcra Berhad |
| 8 | Pengesahan Bayaran *User Fee* Di Malaysia Airport Holdings Bhd. |
| 9 | *Due Diligent* Terhadap 1 Malaysia Development Berhad (1 MDB) Bagi Menentukan Harga Pertimbangan Pengambilalihan. |
| 10 | Projek PPR Terbengkalai Di PPR Kiansom & Bukit Padang. |
| 11 | PRE – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Di Negeri Sabah. |

### 2. Penampilan Audit

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Bagi tahun 2010, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut/Penampilan Audit di 80 buah pejabat Kerajaan di seluruh negara.

### 3. Pengauditan Akaun Amanah, Akaun Panjar Luar Negeri, Akaun *United Nations Development Programme* (UNDP)/*United Nations Population Fund* (UNFPA) dan Akaun Pinjaman

Sepanjang tahun 2010, pengauditan terhadap 311 akaun amanah, 34 akaun panjar luar negeri dan 9 akaun pinjaman serta akaun UNDP/UNFPA telah dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN AKAUN AMANAH, AKAUN PANJAR LUAR NEGERI, AKUAN UNDP/UNFPA DAN AKAUN PINJAMAN TAHUN 2010

| BIL. | JENIS AKAUN | BILANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Akaun Panjar Luar Negeri | 34 |
| 2 | Akaun Pinjaman/UNDP/UNFPA | 9 |
| 3 | Akaun Amanah | 311 |
| JUMLAH | | 354 |

### 4. Penilaian Khas

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah bertujuan untuk pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2010, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan seramai 47 orang pegawai JUSA. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan sektor awam memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan baik.

## PENGLIBATAN SEKTOR DALAM PELBAGAI AKTIVITI

### Program Anak Angkat

Program Anak Angkat dilaksanakan bagi memberi bimbingan dan nasihat kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengurusan kewangan. Bagi tahun 2010, sebanyak 11 Jabatan/Agensi telah menyertai Program Anak Angkat di bawah kelolaan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan seperti berikut:

AGENSI YANG MENYERTAI PROGRAM ANAK ANGKAT TAHUN 2010

| PESERTA PROGRAM ANAK ANGKAT | |
|---|---|
| 1 | Institut Veterinar Malaysia, Air Hitam, Kluang |
| 2 | Pejabat Kesihatan Daerah Sik |
| 3 | Pusat Pemulihan Akhlak Machang |
| 4 | Pejabat Kebajikan Masyarakat Melaka |
| 5 | Pejabat Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut |
| 6 | Mahkamah Sesyen Ipoh |
| 7 | Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Pinang |
| 8 | Pejabat RELA Kota Kinabalu, Sabah |
| 9 | Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Komponen Sarawak |
| 10 | Jabatan Alam Sekitar Selangor |
| 11 | Pusat Latihan KEMAS, Kuala Terengganu |


Untuk Format Laporan Bertugas
JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)
LAPORAN PEGAWAI BERTUGAS PARLIMEN
SIDANG DEWAN :
TARIKH / HARI :
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
1.1 Jumlah Pertanyaan Jawab Lisan: 11
1.2 Jumlah Pertanyaan Jawab Lisan Berkaitan JAN: Tiada
(Jika ada, sila nyatakan)
BIL. NO. SOALAN
1.

# LAPORAN AKTIVITI
# SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

9



TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (NEGERI)
Dato' Hj. Anwari bin Suri



PENGARAH SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI
Ong Swee Leng

## PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN NEGERI

Sebanyak 13 Kerajaan Negeri telah menyerahkan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan semua Kerajaan Negeri telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran seperti di jadual berikut:

### TARIKH SERAHAN DAN PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2009

| BIL. | NEGERI | TARIKH SERAHAN | TARIKH SIJIL |
|---|---|---|---|
| 1 | Pulau Pinang | 19 Januari 2010 | 14 Jun 2010 |
| 2 | Terengganu | 10 Februari 2010 | 18 Mei 2010 |
| 3 | Kelantan | 23 Februari 2010 | 20 Jun 2010 |
| 4 | Negeri Sembilan | 24 Februari 2010 | 21 Jun 2010 |
| 5 | Perak | 24 Februari 2010 | 8 Jun 2010 |
| 6 | Johor | 24 Februari 2010 | 18 Jun 2010 |
| 7 | Perlis | 24 Februari 2010 | 22 Jun 2010 |
| 8 | Pahang | 25 Februari 2010 | 25 Jun 2010 |
| 9 | Selangor | 2 Mac 2010 | 31 Mei 2010 |
| 10 | Sarawak | 31 Mac 2010 | 28 Jun 2010 |
| 11 | Kedah | 1 April 2010 | 6 Julai 2010 |
| 12 | Melaka | 9 April 2010 | 9 Ogos 2010 |
| 13 | Sabah | 19 April 2010 | 9 Julai 2010 |

### Pensijilan Audit Terhadap Penyata Kewangan Agensi Negeri

Sepanjang tahun 2010 sebanyak 305 Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu sebanyak 28 Penyata Kewangan Tahun 2008 dan 227 bagi Penyata Kewangan Tahun 2009 iaitu 141 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, 16 Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan 148 Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah disahkan. Jenis Sijil Audit yang dikeluarkan adalah seperti di jadual berikut:

### JENIS SIJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2010

| AGENSI | BILANGAN SIJIL YANG DIKELUARKAN TAHUN 2010 | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | SIJIL TANPA TEGURAN | SIJIL BERTEGURAN | SIJIL BERTENTANGAN | |
| Badan Berkanun Negeri | 118 | 23 | - | 141 |
| Pihak Berkuasa Tempatan | 130 | 18 | - | 148 |
| Majlis Agama Islam | 11 | 4 | 1 | 16 |
| **JUMLAH** | **259** | **45** | **1** | **305** |

## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

Sepanjang tahun 2010, Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) telah dilaksanakan di 249 Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri. Bilangan Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri yang diaudit dibahagikan kepada 2 iaitu agensi yang wajib diaudit setiap tahun iaitu Pejabat Kewangan Negeri dan Perbendaharaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Majlis Agama Islam, manakala agensi lain akan diaudit mengikut giliran 3 tahun sekali.

### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) MENGIKUT CAWANGAN AUDIT NEGERI BAGI TAHUN 2010

| BIL. | CAWANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 21 |
| 2 | Kedah | 17 |
| 3 | Kelantan | 19 |
| 4 | Melaka | 14 |
| 5 | Negeri Sembilan | 13 |
| 6 | Pahang | 21 |
| 7 | Perak | 19 |
| 8 | Perlis | 10 |
| 9 | Pulau Pinang | 14 |
| 10 | Sabah | 36 |
| 11 | Sarawak | 32 |
| 12 | Selangor | 15 |
| 13 | Terengganu | 18 |
| JUMLAH | | 249 |

Pada tahun 2009, sebanyak 31 atau 10.9% daripada 284 Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri yang diaudit berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) telah mencapai penarafan 4 bintang (sangat baik), 211 atau 74.3% mencapai penarafan 3 bintang (baik), 41 atau 14.4% mencapai 2 bintang (memuaskan) dan 1 mencapai 1 bintang (tidak memuaskan) seperti di jadual berikut:

## TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI (AI) BAGI TAHUN 2009 BERBANDING TAHUN 2008

| TAHAP PENCAPAIAN | BIL. KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI | | PERATUS | | PENCAPAIAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | |
| Sangat Baik (90% - 100%) | 14 | 31 | 7.7 | 10.9 |  |
| Baik (70% - 89%) | 125 | 211 | 68.7 | 74.3 |  |
| Memuaskan 50% - 69%) | 42 | 41 | 23.1 | 14.4 |  |
| Tidak Memuaskan (49% Ke bawah) | 1 | 1 | 0.5 | 0.4 |  |
| JUMLAH | 182 | 284 | 100 | 100 | |

## PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2010, sejumlah 97 pengauditan prestasi yang melibatkan aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Negeri telah dilaksanakan di Cawangan Audit Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai, ICT dan projek peningkatan sosioekonomi. Pengauditan prestasi yang dilaksanakan dalam tahun 2010 adalah seperti di jadual berikut:

### PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT CAWANGAN AUDIT NEGERI BAGI TAHUN 2010

| BIL. | CAWANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Johor | 9 |
| 2 | Kedah | 8 |
| 3 | Kelantan | 6 |
| 4 | Melaka | 5 |
| 5 | Negeri Sembilan | 6 |
| 6 | Pahang | 7 |
| 7 | Perak | 8 |
| 8 | Perlis | 4 |
| 9 | Pulau Pinang | 8 |
| 10 | Sabah | 11 |
| 11 | Sarawak | 10 |
| 12 | Selangor | 8 |
| 13 | Terengganu | 7 |
| JUMLAH | | 97 |

## PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

### 1. Kajian Across The Board

- Aktiviti Perlombongan dan Pengambilan Pasir serta Kesannya Kepada Alam Sekitar

  Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir memberi kesan terhadap alam sekitar.

  Skop pengauditan adalah tertumpu kepada pengurusan aktiviti perlombongan dan pengambilan pasir bagi tempoh tahun 2007-2009. Pengauditan dijalankan di Pejabat Daerah dan Tanah bagi 9 negeri di Semenanjung Malaysia (Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis), Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.

- Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesan Terhadap Alam Sekitar

  Objektif Pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek-aspek berkaitan kualiti alam sekitar.

  Skop dan kaedah pengauditan adalah meliputi pengurusan perkhidmatan pungutan sisa pepejal serta pengurusan tapak pelupusan bagi tempoh tahun 2007-2009. Pengauditan dijalankan di Pihak Berkuasa Tempatan yang melibatkan 8 negeri iaitu Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang, Selangor, Sabah dan Sarawak.

### 2. Pengurusan Hutan Paya Laut dan Kepentingan kepada Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

### 3. Parallel Audit With Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia

*Mesyuarat The Management of Mangroves in the Straits of Malacca 2nd Technical Meeting*

Mesyuarat membincangkan perkara-perkara seperti berikut:

- Kaedah bagi melaksanakan pengauditan secara *parallel* terhadap pengurusan hutan bakau di Selat Melaka iaitu bentuk kerjasama yang dipersetujui dan lokasi pengauditan yang akan dijalankan.

- Mengemaskini pelaksanaan audit yang dijalankan di mana pasukan Audit akan menjalankan pengauditan di negara masing-masing, pengumpulan data mengikut kaedah pengauditan yang dipersetujui dan penyatuan laporan bagi tujuan pembentangan di peringkat antarabangsa.



Penanaman Anak Benih Bakau Sempena Bengkel Pengauditan Pengurusan Hutan Paya Laut Dan Kepentingan Kepada Alam Sekitar

## BAHAGIAN KAJIAN KHAS

Bahagian Kajian Khas telah membuat beberapa kajian sepanjang tahun 2010 seperti berikut:

1. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Penyelenggaraan Projek Kecil Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Di Bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE 2). Kajian ini dijalankan adalah untuk membuat penilaian terhadap pengurusan projek di bawah PRE 2 berlandaskan kepada *value for money* dari segi tempoh masa pelaksanaan dan peruntukan yang diterima.

2. Siasatan Audit Terhadap Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan Persekutuan Di Bawah Syarikat Spanco Sdn. Bhd. Siasatan ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Penyewaan Kenderaan Kerajaan Persekutuan di bawah syarikat SPANCO Sdn. Bhd. dilaksanakan dengan teratur, kemas dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

3. Kajian Audit Terhadap Program Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Bagi Projek Pembangunan Ladang Pengganda Dan Komersil Kambing Di Ulu Tersat dan Telaga Papan, Terengganu. Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada Projek Pembangunan Ladang Pengganda Dan Komersil Kambing Di Ulu Tersat Dan Telaga Papan dilaksanakan dengan teratur, kemas dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.



Lawatan Tapak semasa menjalankan Kajian Audit Terhadap Program Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Bagi Projek Pembangunan Ladang Pengganda Dan Komersil Kambing Di Ulu Tersat dan Telaga Papan, Terengganu.



Lawatan Tapak semasa menjalankan Siasatan Audit Terhadap Penggunaan Dan Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan Persekutuan Di Bawah Syarikat Spanco Sdn. Bhd.

4. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Projek Pembinaan Jalan Ladang Dalam Kawasan MADA, Kedah Di Bawah Projek Pembangunan Wilayah Utara (NCIA). Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Jalan Ladang Dalam Kawasan MADA dilaksanakan dengan teratur, kemas dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

5. Siasatan Audit Terhadap Perolehan Anjing oleh Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia. Siasatan dibuat untuk mengenalpasti perolehan anjing dibuat mengikut prosedur kewangan yang telah ditetapkan.

6. Membuat Kompilasi Isu Pelik Tapi Benar Dari Laporan Audit Tahun 2001 Hingga 2009. Kompilasi isu dibuat untuk dijadikan rujukan kepada semua warga Jabatan Audit Negara.

## BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

Kajian-kajian utama yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Pengauditan ICT adalah seperti berikut:

1. Kajian Audit Terhadap Sistem eKasih, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan
   Kajian Audit Terhadap Projek Pembersihan Data SPTB, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
2. Kajian Audit Terhadap Sistem ePBT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
3. Kajian Audit Terhadap Sistem Imigresen, Jabatan Imigresen.

### PAPARAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

- Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara terhadap Projek Sistem *e*Tanah Negeri Sembilan pada 22 September 2010



Taklimat Modul GIS di Pejabat Tanah Daerah Seremban




YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara di Kaunter *Single Point of Contract* (SPOC)

- Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara terhadap Projek Sistem *e*Tanah Melaka pada 22 Oktober 2010



Lawatan YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara ke Pejabat Tanah Daerah Melaka Tengah (DRC)



Lawatan YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara ke Kaunter *Single Point Of Contract (SPOC)*

## BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pengauditan Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan di beberapa buah negeri sepanjang tahun 2010. Pemerhatian yang berbangkit hasil daripada pemeriksaan mengejut ini telah dikemukakan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pusat Kos (PK) berkenaan dan disalinkan juga kepada Ibu Pejabat serta Ketua Setiausaha Kementerian masing-masing. Pecahan jumlah PTJ/PK adalah seperti berikut:

### CAWANGAN AUDIT NEGERI DAN BAHAGIAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

| NEGERI | PTJ/PK |
|---|---|
| Johor | 17 |
| Kedah | 29 |
| Kelantan | 30 |
| Melaka | 25 |
| Negeri Sembilan | 32 |
| Pahang | 35 |
| Perak | 26 |
| Perlis | 24 |
| Pulau Pinang | 29 |
| Sabah | 28 |
| Sarawak | 51 |
| Selangor | 34 |
| Terengganu | 29 |
| Wilayah Persekutuan Putrajaya | 28 |
| **JUMLAH** | **417** |



# LAPORAN AKTIVITI SEKTOR PENGURUSAN

# 14




1. PENGARAH SEKTOR PENGURUSAN
   Hj. Aziz bin Mohd Akil
2. TIMBALAN PENGARAH (SUMBER MANUSIA)
   Yaacob bin Samat
3. TIMBALAN PENGARAH (TEKNIKAL)
   Zamani bin Md. Jidin
4. TIMBALAN PENGARAH (KEWANGAN & PENTADBIRAN)
   Jamal Abd. Nasir bin Yaacob
5. TIMBALAN PENGARAH (TEKNOLOGI MAKLUMAT)
   Zaleha@Siti Zaleha binti Yusof
6. TIMBALAN PENGARAH (KORPORAT)
   Noorizani binti Che Muhamad

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Jabatan telah melaksanakan urusan pengambilan dan pengisian jawatan sebanyak 187 jawatan yang merangkumi kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 13 orang dan kumpulan Sokongan seramai 174 orang. Sebanyak 144 jawatan masih belum diisi.


### PROFIL PERJAWATAN MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2009 DAN 2010

| KUMPULAN PERKHIDMATAN | 2009 | | | 2010 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | LULUS | ISI | % | LULUS | ISI | % |
| JUSA | 11 | 11 | 100% | 11 | 10 | 90.9% |
| Pengurusan dan Profesional | 417 | 384 | 92.1% | 427 | 373 | 87.4% |
| Sokongan | 1,673 | 1,500 | 89.7% | 1,652 | 1,551 | 93.8% |
| **JUMLAH** | **2,101** | **1,895** | **90.2%** | **2,090** | **1,934** | **92.5%** |


### 1. Pengurusan Kompetensi

Ke arah pemantapan kompetensi pegawai, dua siri peperiksaan perkhidmatan dan 1 siri peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) telah diadakan. Di samping itu, 13 siri peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010.
Sebagai pengiktirafan kepada pegawai yang berprestasi cemerlang, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menguruskan 95 kenaikan pangkat pegawai dan 173 pemangkuan berdasarkan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 1986 (P.U.(A) 151).

### URUSAN KENAIKAN PANGKAT




### URUSAN PEMANGKUAN



## 2. Penempatan-Penempatan Di Jawatan Utama

Tahun 2010 menyaksikan beberapa perubahan penting kepada Pengurusan Tertinggi Jabatan. Kekosongan jawatan berikutan persaraan dan pertukaran pegawai telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk meneraju tampuk kepimpinan di Sektor dan Cawangan Audit Negeri yang terlibat.

| BIL | NAMA PEGAWAI | PENEMPATAN | TARIKH BERKUATKUASA |
|---|---|---|---|
| 1 | En. Zulkipli bin Abdullah<br>JUSA C (Memangku) | Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan | 9 Ogos 2010 |
| 2 | Tn. Hj. Amir Zaki bin Ahmad<br>W54 (Memangku) | Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang | 1 Julai 2010 |
| 3 | Pn. Norzaini binti Alias<br>W52 (Memangku) | Pengarah Audit Negeri Sembilan | 1 Julai 2010 |

# BAHAGIAN KEWANGAN & PENTADBIRAN


## 1. Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2010, peruntukan perbelanjaan mengurus Jabatan Audit Negara berjumlah RM125.84juta iaitu pengurangan sebanyak RM24,983,300 (-17%) dari tahun 2009. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM121.69juta (96.7%) telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual berikut :

### PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2009 DAN 2010

| | 2009 | | | 2010 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PERUNTUKAN (RM JUTA) | PERBELANJAAN (RM JUTA) | PERBELANJAAN (%) | PERUNTUKAN (RM JUTA) | PERBELANJAAN (RM JUTA) | PERBELANJAAN (%) |
| Emolumen | 84.09 | 75.35 | 89.4 | 81.36 | 78.63 | 96.6 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 53.53 | 48.68 | 90.9 | 44.22 | **42.89** | **97.0** |
| Aset | 13.10 | 11.87 | 90.6 | 0.14 | 0.083 | 56.6 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 0.08 | 0.074 | 92 | 0.103 | **0.088** | **85.7** |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | 0.02 | 0.015 | 77.3 | 0.02 | **0.014** | **67.7** |
| **JUMLAH** | **150.82** | **135.989** | **90.2** | **125.843** | **121.705** | **96.7** |

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS JABATAN AUDIT NEGARA




## BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2010 MENGIKUT OBJEK AM

Berdasarkan rajah di atas, peruntukan 2010 adalah kurang RM24.98 juta berbanding peruntukan tahun 2009. Oleh yang demikian, peratus perbelanjaan Jabatan meningkat daripada 90.2% pada tahun 2009 kepada 96.7% pada tahun 2010.

**2. Perolehan**

Perolehan Jabatan Audit Negara Pada Tahun 2010 telah dilaksanakan secara Pembelian Terus, Sebut Harga dan Rundingan Terus melalui sistem ePerolehan. Rundingan terus tersebut melibatkan perolehan dan peyelenggaraan Rangkaian Audit*Net dengan pembekal tunggal GITN Sdn. Bhd. Di bawah peruntukan mengurus, Jabatan Audit Negara telah membelanjakan sebanyak RM22.45juta. Maklumat perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:

## PEROLEHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2010

| BIL. | JENIS PEROLEHAN | BILANGAN PEROLEHAN YANG TELAH DILAKSANAKAN | JUMLAH PERBELANJAAN (RM JUTA) |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembelian terus | 500 permohonan | 7.87 |
| 2 | Sebut Harga *e*Perolehan | 5 sebut harga | 1.44 |
| 3 | Rundingan Terus | 1 permohonan | 11.15 |
| 4 | Tender *e*Perolehan | 1 permohonan | 1.99 |
| JUMLAH | | | 22.45 |

## 3. Pembangunan

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Jabatan Audit Negara telah diluluskan peruntukan pembangunan sejumlah RM50 juta bagi melaksanakan pembinaan 4 buah pejabat Cawangan Audit Negeri, RM53 juta bagi melaksanakan pembinaan 3 buah pejabat Cawangan Audit Negeri di bawah *Private Finance Initiative* (PFI), RM5.1 juta Projek Sambungan Akademi Audit Negara dan RM15 juta Projek Pengkomputeran Jabatan. Tahun 2010 merupakan tahun terakhir bagi RMKe-9 dan sehingga 31 Disember 2010 sejumlah RM45.53juta telah dibelanjakan. Maklumat perbelanjaan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di jadual berikut :

### PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JABATAN AUDIT NEGARA

| PROJEK | 2009 | | | 2010 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | PERUNTUKAN (RM juta) | BELANJA (RM) | % | PERUNTUKAN (RM) | BELANJA (RM) | % |
| **P.06** | | | | | | |
| Pembinaan Pejabat (12200)* | 20 | 15.09 | 75.49 | 13.88 | 6.1 | 36.0 |
| Projek Pengkomputeran (10200) | 2.01 | 1.78 | 88.56 | 3.85 | 3.85 | 99.96 |
| Tabung Tanah (13600) | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.143 | 0.143 | 100 |
| **S.06** | | | | | | |
| Pembinaan Pejabat* | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 23.6 | 13.533 | 57.35 |

Daripada jadual di atas, pelaporan menunjukkan prestasi perbelanjaan keseluruhan di bawah peruntukan pembangunan Jabatan Audit Negara tidak memberangsangkan. Ini kerana projek pembinaan pejabat baru Cawangan Audit Negeri yang sepatutnya siap pada tahun 2010 telah menjadi projek sambungan di bawah RMKe-10.

- **Pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri**
  Pembinaan 7 pejabat Cawangan Audit Negeri telah diluluskan di bawah RMKe-9. Proses perolehan dan pengambilan tanah telah selesai pada tahun 2007. Jabatan Kerja Raya telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan juru perunding arkitek bagi reka bentuk bangunan pejabat Cawangan Audit Negeri berkenaan. Maklumat terperinci status pelaksanaan pembinaan pejabat adalah seperti di jadual berikut:

### SENARAI PEMBINAAN PEJABAT AUDIT CAWANGAN NEGERI

| CAWANGAN AUDIT NEGERI | KOS PEMBINAAN (RM juta) | TARIKH SIAP | KEMAJUAN KERJA SEHINGGA 31 DISEMBER 2010 (%) |
|---|---|---|---|
| Selangor | 12.4 | 16 Februari 2011 | 85 |
| Pahang | 13.0 | Ditender semula | 42 |
| Kelantan | 13.7 | 01 Mac 2011 | 67 |
| Negeri Sembilan | 12.4 | 29 Disember 2010 | 88 |
| Melaka | 12.3 | 04 Februari 2011 | 62 |

- Projek-Projek Pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri

**Selangor**

Projek pembinaan pejabat Cawangan Audit Negeri Selangor yang masih dalam peringkat pembinaan.



**Pahang**

Kerja-kerja pembinaan Pejabat Cawangan Audit Negeri Pahang di tapak telah diberhentikan setakat rusuk bumbung Blok A. Pihak kontraktor tidak dapat meneruskan kerja kerana masalah kewangan syarikat dan kekurangan tenaga kerja. Projek ini telah menjadi projek sambungan dalam RMKe-10.



Projek pembinaan pejabat Cawangan Audit Negeri Pahang yang telah ditangguhkan.

**Kelantan**

Projek pembinaan pejabat Cawangan Audit Negeri Kelantan yang masih dalam peringkat pembinaan.



**Negeri Sembilan**

Projek pembinaan pejabat Cawangan Audit Negeri Sembilan yang masih dalam peringkat pembinaan.




**Melaka**

Projek Bangunan Pejabat Cawangan Audit Negeri Melaka yang masih dalam pembinaan.



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

**1. Projek Pembangunan ICT 2010**

Pada tahun 2010, jumlah peruntukan bagi tahun terakhir projek-projek pembangunan di bawah RMKe-9 adalah sebanyak RM3,853,79. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3,546,887 telah diperuntukkan untuk kerja-kerja menaik taraf infrastruktur ICT Jabatan Audit Negara. Pecahan peruntukan mengikut projek adalah seperti di jadual berikut:

**PROJEK PENGKOMPUTERAN 2010**

| BIL | NAMA PROJEK | KOS (RM) |
|---|---|---|
| 1 | Perolehan lesen *Microsoft Exchange* 2010 | 377,408 |
| 2 | Perolehan Perkakasan dan Perisian Komputer Pelayan serta Kelengkapannya | 1,989,880 |
| 3 | Perolehan Bagi Menaik taraf Sistem E-mel Rasmi Sedia Ada Kepada *Microsoft Exchange* 2010 | 429,280 |
| 4 | Perolehan Peralatan ICT Serta Kelengkapannya | 446,419 |
| 5 | Perolehan Bagi Menaik taraf Sistem Sidang Video Jabatan Audit Negara | 303,900 |

Antara usaha yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan ICT Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut:

- Menaik taraf sistem perkhidmatan pengkomputeran dan keselamatan rangkaian komputer melalui pelaksanaan *Domain Controller* (DC) serta melaksanakan sistem e-mel rasmi Jabatan yang baru iaitu *Microsoft Exchange* 2010.
- Perolehan peralatan ICT yang terdiri daripada 90 unit komputer peribadi, 25 unit pencetak dan 90 unit *Uninterrupt Power Supply* (UPS).



Menaik taraf perkakasan dan perisian di Pusat Data



Menaik taraf Sistem Sidang Video di Bilik Persidangan Jabatan Audit Negara

- Menaik taraf keperluan pusat data Jabatan bagi memastikan sistem keselamatan dan rangkaian serta aplikasi-aplikasi utama Jabatan dapat beroperasi dengan lebih cekap, stabil dan efisien
- Menaik taraf Sistem Sidang Video Jabatan meliputi perolehan 1 unit *Multipoint Conference Unit* (MCU), 1 set HD sistem sidang video serta peralatan sokongan sistem sidang video yang lain.

## 2. Bantuan Khidmat Teknikal ICT

Sepanjang tahun 2010 mulai bulan Januari hingga Disember 2010, sebanyak 1,047 aduan laporan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 484 aduan memerlukan perkhidmatan yang melibatkan kerosakan dan pembaikan. Statistik ditunjukkan seperti di jadual berikut:


### STATISTIK ADUAN DAN PERMOHONAN KHIDMAT TEKNIKAL ICT SEPANJANG 2010

| BULAN | JUMLAH ADUAN | MELIBATKAN KEROSAKAN |
|---|---|---|
| Januari | 143 | 76 |
| Februari | 54 | 31 |
| Mac | 84 | 55 |
| April | 78 | 37 |
| Mei | 99 | 49 |
| Jun | 79 | 32 |
| Julai | 87 | 53 |
| Ogos | 103 | 51 |
| September | 41 | 28 |
| Oktober | 89 | 47 |
| November | 80 | 19 |
| Disember | 110 | 6 |

### STATISTIK KEROSAKAN DAN PEMBAIKAN PERALATAN ICT OLEH JURUTEKNIK BTM

| BULAN | JUMLAH KEROSAKAN | TEMPOH PEMBAIKAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 1 HARI | 2 – 6 HARI | MELEBIHI 7 HARI |
| Januari | 76 | 74 | 1 | 1 |
| Februari | 31 | 29 | 2 | 0 |
| Mac | 55 | 53 | 2 | 0 |
| April | 37 | 31 | 5 | 1 |
| Mei | 49 | 48 | 1 | 0 |
| Jun | 32 | 31 | 1 | 0 |
| Julai | 53 | 53 | 0 | 0 |
| Ogos | 51 | 50 | 1 | 0 |
| September | 28 | 28 | 0 | 0 |
| Oktober | 47 | 46 | 0 | 1 |
| November | 19 | 19 | 0 | 0 |
| Disember | 6 | 6 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 484 | 468 | 13 | 3 |

PERBANDINGAN ADUAN DITERIMA DAN PERKHIDMATAN YANG MELIBATKAN KEROSAKAN PERALATAN




### 3. Pembangunan Sistem

- Sistem *e*SPP

  Sistem *e*SPP adalah sistem aplikasi teras bagi Jabatan Audit Negara iaitu satu-satunya sistem lengkap pengurusan pengauditan bermula daripada urusan penyediaan rancangan audit hinggalah pengauditan dijalankan.

- Portal Jabatan Audit Negara

  Portal Jabatan Audit Negara telah di naiktaraf pada 2009 dan pembangunan dilaksanakan sehingga 2010. Peningkatan ini melibatkan beberapa kriteria yang digariskan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) agar setiap agensi kerajaan memenuhi keperluan-keperluan yang ditetapkan supaya lebih memudahkan pengguna dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

## 4. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jabatan Audit Negara 2011-2015

Hasil Pelan Strategik Teknologi Maklumat ini telah menggariskan 4 teras utama dengan 16 inisiatif dan 37 program. Maklumat 4 teras utama adalah seperti di jadual berikut:

**TERAS PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT**

| BIL. | TERAS |
|---|---|
| 1 | Teras 1 : Pemantapan Tadbir Urus ICT Jabatan Audit Negara |
| 2 | Teras 2 : Pengukuhan Aplikasi Dan Perkongsian Maklumat |
| 3 | Teras 3 : Pengukuhan Infrastruktur Dan Keselamatan ICT |
| 4 | Teras 4 : Pengukuhan Pembudayaan Dan Pengurusan Perubahan Dalam ICT |

Hasil akhir merupakan Dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat 2011-2015, di mana 1 Majlis *Sign-off* telah disempurnakan oleh CIO Jabatan Audit Negara iaitu YBhg. Datuk Azizah binti Hj. Arshad bersama perunding dari MAMPU, YBhg. Dato' Dr. Zahari bin Othman pada 27 Disember 2010 seperti di gambar berikut:



Majlis *Sign-off* Dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat
Jabatan Audit Negara 2011-2015

# BAHAGIAN TEKNIKAL

## RINGKASAN PENCAPAIAN BAHAGIAN TEKNIKAL TAHUN 2010

| AKTIVITI | SRKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN | SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI | SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN | SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN | AKADEMI AUDIT NEGARA | AUDIT DALAM | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengauditan | 16 | 26 | 9 | - | - | - | 51 projek |
| Khidmat Nasihat Teknikal | 16 | 11 | 4 | 1 | - | 4 | 36 kali |
| Ceramah Teknikal | Semua Sektor/ Bahagian | | | | | | 32 jam |

## PENCAPAIAN PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN

| PROJEK | PENCAPAIAN (KALI) | |
|---|---|---|
| | MESYUARAT PROJEK | LAWATAN TAPAK |
| Pembinaan Pejabat Cawangan Audit Negeri Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Pengubahsuaian Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara. | 47 | 45 |



Lawatan Ke Tapak Projek Pembinaan Pejabat Cawangan Audit Negeri Selangor Bersama YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara Dan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia.



Kerja-kerja pengauditan *Cast-In-Situ Balanced Cantilever* projek pembinaan jambatan.

# BAHAGIAN HAL EHWAL KORPORAT

## 1. Mesyuarat Pengurusan Jabatan

Kekerapan mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

| MESYUARAT | DIPENGERUSIKAN OLEH | KEKERAPAN MESYUARAT | BILANGAN KEHADIRAN |
|---|---|---|---|
| Mesyuarat Pengurusan JAN | YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara | 16 | 37 (termasuk PAN/TPAN di Cawangan Audit Negeri) |

## 2. Ceramah Eksekutif

10 sesi Ceramah Eksekutif telah diadakan pada tahun 2010 dengan tajuk-tajuk seperti di jadual berikut :

### PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

| BIL. | TAJUK | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | *Convergence: How Does It Impact Auditors* | 13 Januari 2010 |
| 2 | Pemakanan Dan Kanser | 18 Februari 2010 |
| 3 | Taklimat Parlimen | 9 Mac 2010 |
| 4 | Dasar Wanita Negara dan Cabaran Wanita Masa Kini | 28 April 2010 |
| 5 | Peranan dan Cabaran *PFI* Dalam Projek Pembangunan | 20 Mei 2010 |
| 6 | *Computer Forensic Awareness* | 22 Julai 2010 |
| 7 | Pendidikan Kewangan Dan Pengurusan Kredit | 10 Ogos 2010 |
| 8 | Pengurusan Stres Pemangkin Budaya Kerja Cemerlang | 5 Oktober 2010 |
| 9 | Integriti: Isu, Cabaran & Pembudayaan | 21 Oktober 2010 |
| 10 | Keterampilan Diri Penjawat Awam | 11 November 2010 |



YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bersama penceramah di program Ceramah Eksekutif Jabatan Audit Negara



Ceramah Eksekutif bertajuk Pendidikan Kewangan Dan Pengurusan Kredit Di Dewan Serbaguna Guna, Aras G Presint 2, Putrajaya

## 3. Pengurusan Penerbitan Dan Pengedaran

- Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Audit Negara




- Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008




- Kalendar Program
  Program dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan oleh semua Sektor/Bahagian di Jabatan sepanjang tahun 2010.


PERANCANGAN AKTIVITI TAHUNAN JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2010

| Hari / Bulan | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEPT | OKT | NOV | DIS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Isn | | 1 | 1 PERHIMPUNAN JPM | | 31 | | | 30 | | | 1 PERHIMPUNAN JPM | |
| Sel | | 2 | 2 | | | 1 | | 31 | | | 2 | |
| Rab | | 3 M. JPKA & JKPAK | 3 MJA | | | 2 | | | 1 | | 3 PSAKP | 1 MJA |
| Kha | | 4 | 4 | 1 | | 3 | 1 | | 2 | | 4 PSAKP | 2 PSP |
| Jum | 1 | 5 | 5 | 2 | | 4 MBJ | 2 | | 3 | 1 | 5 | 3 PSP |
| Sab | 2 | 6 | 6 | 3 | 1 | 5 | 3 | | 4 | 2 | 6 | 4 |
| Aha | 3 | 7 | 7 | 4 | 2 | 6 | 4 | 1 | 5 | 3 | 7 | 5 |
| Isn | 4 PERHIMPUNAN JPM | 8 PERHIMPUNAN JPM | 8 | 5 PERHIMPUNAN JPM | 3 PERHIMPUNAN JPM | 7 PERHIMPUNAN JPM | 5 PERHIMPUNAN JPM | 2 PERHIMPUNAN JPM | 6 PERHIMPUNAN JPM | 4 PERHIMPUNAN JPM | 8 PPERS | 6 PERHIMPUNAN JPM |
| Sel | 5 | 9 | 9 | 6 | 4 | 8 | 6 | 3 | 7 MP | 5 HARI AUDIT SE MALAYSIA | 9 PPERS | 7 |
| Rab | 6 | 10 | 10 | 7 | 5 | 9 | 7 | 4 | 8 | 6 & | 10 | 8 |
| Kha | 7 | 11 MP MJP | 11 MP | 8 | 6 | 10 MP | 8 | 5 | 9 | 7 PERSIDANGAN JURUAUDIT | 11 MP | 9 |
| Jum | 8 | 12 | 12 MBJ | 9 | 7 | 11 | 9 | 6 | 10 | 8 | 12 | 10 MBJ |
| Sab | 9 | 13 | 13 | 10 | 8 | 12 | 10 | 7 | 11 | 9 | 13 | 11 |
| Aha | 10 | 14 | 14 | 11 | 9 | 13 | 11 | 8 | 12 | 10 | 14 | 12 |
| Isn | 11 | 15 | 15 | 12 | 10 | 14 | 12 BPSJ | 9 | 13 | 11 | 15 MJKP | 13 |
| Sel | 12 MP | 16 | 16 | 13 | 11 | 15 | 13 BPSJ | 10 | 14 | 12 | 16 | 14 |
| Rab | 13 CE | 17 | 17 | 14 MP | 12 | 16 MJA | 14 | 11 | 15 | 13 | 17 | 15 |
| Kha | 14 | 18 CE | 18 | 15 | 13 MP MJP | 17 CE | 15 MP | 12 MP MJP | 16 | 14 MP | 18 | 16 MP |
| Jum | 15 | 19 MJKP | 19 | 16 MPPSM | 14 MJKP | 18 | 16 | 13 | 17 | 15 | 19 | 17 |
| Sab | 16 | 20 | 20 | 17 | 15 | 19 | 17 | 14 | 18 | 16 | 20 | 18 |
| Aha | 17 | 21 | 21 | 18 | 16 | 20 | 18 | 15 | 19 | 17 | 21 | 19 |
| Isn | 18 | 22 | 22 | 19 | 17 | 21 | 19 | 16 | 20 | 18 | 22 PSAKN | 20 |
| Sel | 19 | 23 | 23 | 20 M. JPKA & JKPAK | 18 | 22 | 20 | 17 | 21 | 19 | 23 PSAKN | 21 |
| Rab | 20 | 24 MP | 24 | 21 | 19 | 23 | 21 M. JPKA & JKPAK | 18 | 22 | 20 M. JPKA & JKPAK | 24 | 22 |
| Kha | 21 | 25 | 25 MP | 22 CE | 20 CE | 24 MP | 22 CE | 19 CE | 23 MP | 21 CE | 25 MP | 23 |
| Jum | 22 | 26 | 26 | 23 | 21 | 25 | 23 | 20 MJKP | 24 MBJ | 22 | 26 CE | 24 |

## 4. Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 Jabatan Audit Negara

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Bengkel Juruaudit Dalaman MS ISO 9001:2008
- Bengkel *Refresher* Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Audit Negara
- Auditan Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan Audit Negara
- Auditan Luaran Oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd.

Pengauditan dari SIRIM QAS Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada 23-26 Ogos 2010. Hasil daripada komitmen semua warga, Jabatan telah berjaya mengekalkan prestasi dengan tiada ketidakpatuhan yang dikeluarkan oleh juruaudit SIRIM QAS Sdn. Bhd.



SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

JABATAN AUDIT NEGARA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001 : 2008
*Quality Management Systems - Requirements*

Skop Pensijilan

PENGAUDITAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN TAHUNAN DAN PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) BAGI KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM.

Tarikh Mula Pensijilan : 04 September 2009
Tarikh Dikeluarkan : 08 September 2009
Sah Sehingga : 03 September 2012
No. Pensijilan : AR 4985

Dato' Mariani Mohammad
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Ir. Hj. Yahaya Ahmad
Pengerusi
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penanugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat seperti ternyata dalam Perjanjian Pensijilan.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
(Company No. 410334-X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, P.O. Box 7035
40911 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel : 06-3-55446400
Faks : 60-3-55109439
http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
hereby certify that

JABATAN AUDIT NEGARA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fullfills the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following field of activities

AUDITING OF ANNUAL FINANCIAL STATEMENTS AND FINANCIAL MANAGEMENT AUDITS (ACCOUNTABILITY INDEX) OF FEDERAL AND STATE GOVERNMENT AGENCIES, FEDERAL AND STATE STATUTORY BODIES, LOCAL AUTHORITIES AND ISLAMIC RELIGIOUS COUNCILS.

Issued on : 08 September 2009
Validity date : 03 September 2012
Certification Number : MY-AR 4985

Rene' Wasmer
President of IQNet

Dato' Mariani Mohammad
Managing Director
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

IQNet Partners*:
AENOR *Spain* AFNOR Certification *France* AIB-Vincotte International *Belgium* ANCE *Mexico* APCER *Portugal* CISQ *Italy* CQC *China* CQM *China* CQS *Czech Republic* Cro Cert *Croatia* DQS Holding GmbH *Germany* DS *Denmark* ELOT *Greece* FCAV *Brazil* FONDONORMA *Venezuela* HKQAA *Hong Kong China* ICONTEC *Colombia* IMNC *Mexico* Inspecta Certification *Finland* IRAM *Argentina* JQA *Japan* KFQ *Korea* MSZT *Hungary* Nemko AS *Norway* NSAI *Ireland* PCBC *Poland* Quality Austria *Austria* RR *Russia* SII *Israel* SIQ Slovenia SIRIM QAS International *Malaysia* SQS *Switzerland* SRAC *Romania* TEST St. Petersburg *Russia* TSE *Turkey* YUQS *Serbia*
IQNet is represented in the USA by: AFNOR Certification, CISQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.
*The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under www.iqnet-certification.com

Sijil MS ISO 9001:2008 yang diterima oleh Jabatan Audit Negara

# LAPORAN AKTIVITI AKADEMI AUDIT NEGARA

# 15



PENGARAH AKADEMI AUDIT NEGARA
Abd. Wahab bin Ahmad



TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
Hjh. Noor Akma binti Mohd Baki



TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)
Nur Syuhaiza binti Ruslan

Akademi Audit Negara merupakan sebuah Institusi Latihan Awam khusus untuk melatih pegawai-pegawai Audit di Jabatan Audit Negara di seluruh Malaysia. Ia dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 dan menelan belanja sebanyak RM42.42 juta. Akademi Audit Negara siap dibina pada Jun 2005 dan terletak di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan.

Berikut merupakan jumlah kursus yang berjaya dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010 mengikut pecahan sekolah-sekolah:

JUMLAH KURSUS YANG DIKENDALIKAN PADA TAHUN 2009 DAN TAHUN 2010

| SEKOLAH/TAHUN | 2009 (KURSUS) | 2010 (KURSUS) |
|---|---|---|
| Sekolah Pengauditan | 36 | 30 |
| Sekolah Perakaunan | 31 | 25 |
| Sekolah IT | 17 | 18 |
| Sekolah Pengurusan | 27 | 21 |
| **JUMLAH** | **111** | **94** |




Peserta Kursus Induksi Siri 2/2010

## *MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME (MTCP)*




Peserta-Peserta Kursus IT Audit di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP)

Pada tahun 2007, Akademi Audit Negara telah terpilih sebagai salah sebuah institusi yang menjadi *course provider* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP*). Di bawah program ini, 2 kursus jangka pendek telah dilaksanakan setiap tahun iaitu Kursus *Performance Audit* dan Kursus *IT Audit*. Objektif utama kursus *Performance Audit* adalah untuk meningkatkan kefahaman para peserta berhubung prinsip-prinsip utama, konsep dan metodologi dalam pelaksanaan pengauditan prestasi. Manakala bagi kursus IT Audit pula ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman para peserta terhadap prinsip-prinsip utama dalam pengauditan sistem yang berasaskan teknologi informasi. Secara tidak langsung penganjuran kedua-dua kursus ini memberi peluang kepada para peserta mewujudkan jaringan profesional di kalangan mereka dan juga Akademi Audit Negara dalam bertukar-tukar pandangan dan pengalaman kerja.

Sebanyak 25 Negara Asia ditawarkan untuk menghantar seorang peserta dari negara masing-masing bagi mengikuti kursus-kursus ini. Kursus ini berlangsung selama 2 minggu dan sepanjang kursus berlangsung para peserta bukan sahaja mengikuti program pembelajaran di dalam kelas tetapi mereka juga didedahkan dengan suasana, budaya dan warisan pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia.



Peserta Lelaki Dari *Western Samoa* Mengambil Bahagian Dalam Persembahan Kebudayaan Yang Berlangsung Di Saloma Bistro, Kuala Lumpur

# DIARI PERISTIWA

# 16

| BIL. | PERISTIWA | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1 | *Memorandum Of Understanding* (*MOU*) di antara Jabatan Audit Negara / Akademi Audit Negara Dengan Pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) | 5 Februari 2010 | Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah |
| 2 | Penerimaan Perlindungan Hak Cipta dan Perlidungan Cap Dagangan Electronic Audit Rating System (eARAS) | 20 April 2010 & 4 Mei 2010 | |
| 3 | Majlis *Soft Launch* Amalan 5S | 6 Ogos 2010 | Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara |
| 4 | Hari Audit Se-Malaysia, Hari Inovasi dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2010 | 27 & 28 September 2010 | Permaisuri Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan |
| 5 | Seminar *On Enhancing Auditor's Performance Towards Ensuring Accountability* | 30 November 2010 | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). |
| 6 | Majlis Menandatangani Perjanjian Program Sangkutan Di Firma Audit Swasta | 30 Disember 2010 | Pejabat Ketua Audit Negara, Putrajaya |



YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara Menandatangani Memorandum Of Understanding (Mou) Di Antara Jabatan Audit Negara/Akedemi Audit Negara Dengan Pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) Pada Bulan Februari 2010 Bertempat Di UUM Sintok




Ucapan aluan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara, ucaptama dan perasmian oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan serta pelancaran eAudit Ranking System (eARAS) dan ILMU Perpustakaan Akademi Audit Negara.





*Electronic Audit Rating System* **(eARAS)**

Reka cipta ini adalah **Sistem eARAS** iaitu suatu sistem yang digunakan oleh Jabatan Audit Negara untuk memantau prestasi pengurusan kewangan Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam berdasarkan **Indeks Akauntabiliti**.

Tujuan sistem ini adalah untuk:

- Meningkatkan kecekapan dalam urusan pemantauan pengurusan penarafan audit.
- Membantu pegawai-pegawai bertanggungjawab menyelia proses pengesahan semakan bagi sesuatu audit yang telah berdaftar dengan lebih efisyen.
- Membantu pegawai untuk menjawab soalan audit dengan mudah agar laporan yang dikeluarkan adalah tepat.
- Menyediakan laporan dan statistik yang lebih tepat.

Jabatan Audit Negara telah memperoleh perlindungan Hak Cipta © bagi eARAS pada 20 April 2010 dan perlindungan Cap Dagangan ™ pada 4 Mei 2010. Buat sementara waktu, Jabatan hanya menggunakan logo Cap Dagangan ™. Logo Cap Dagangan ® boleh digunakan 18 bulan dari tarikh pendaftaran iaitu pada bulan November 2011.




Penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan
berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2009 bersama YAB
Menteri Besar Negeri Sembilan




Dato' Akhbar bin Hj. Satar sedang menyampaikan ceramah berkaitan dengan pengesanan *fraud* di Seminar *On Enhancing Auditor's Performance Towards Ensuring Accountability*



Pertukaran perjanjian Program Sangkutan Di Firma Audit Swasta Dengan Tetuan DeloitteKassimChan




Banner Promosi Amalan 5S



YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menerima Sijil 5S daripada Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).


MPC

*Certificate of Achievement*

Malaysia Productivity Corporation hereby certifies that

JABATAN AUDIT NEGARA
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana Presint 2
62518 Putrajaya
WILAYAH PERSEKUTUAN

Quality Environment

has implemented the standard requirements of Quality Environment Management System

Issue Date : 21 September 2010
Expiry Date : 20 September 2011
Certification No. : AC 1670

(Mohd. Razali Hussain)
Director-General
Malaysia Productivity Corporation

Sijil Amalan 5S yang diterima oleh Jabatan Audit Negara



Acara perasmian Soft Launch Amalan 5S oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) pada 6 Ogos 2010 di Sektor Audit Kerajaan Persekutuan




Paparan Sudut Amalan 5S Di Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Untuk Tujuan Promosi



Paparan Meja Bertugas Sebelum Amalan 5S diamalkan



Paparan Meja Bertugas Selepas Amalan 5S diamalkan


DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA
"BERKHIDMAT
'Audit Berkuasa
Saya yang menurut perintah,
( TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG )
Ketua Audit Negara
Malaysia

# PERSIDANGAN SEKTOR-SEKTOR

# 17

## PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN

**Tempat : Hotel Mahkota, Melaka**
**Tarikh : 1-3 Disember 2010**

Persidangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan 2010 dengan tema '**Juruaudit Berilmu, Laporan Bermutu**' telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Azizah binti Hj. Arshad, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan dihadiri oleh seramai 130 peserta dari pegawai dan kakitangan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan.

**Objektif Persidangan:**

Meningkatkan pengetahuan dan kepakaran warga Sektor Audit Kerajaan Persekutuan dalam bidang baru bagi membolehkan pengauditan dilaksanakan dengan lebih efisien.

Garis Panduan Pengauditan Yang Dilancarkan:
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pindaan 1 Tahun 2010.
- Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Pindaan 1 Tahun 2010.
- Pengauditan Taksiran Kastam Pindaan 1 Tahun 2010.
- Analisis Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Menggunakan Perisian ACL Pindaan 1 Tahun 2010.

Ceramah-ceramah Yang Disampaikan Oleh Penceramah Jemputan:
- Peranan Dan Tanggungjawab Perunding Dalam Pelaksanaan Projek Kerajaan.
- Projek Reka Dan Bina Serta Peranan Dan Tanggungjawab Agensi Pelaksana.
- Format Baru Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Pengurusan Belanjawan (*Outcome Based Budgeting*).




Rumusan Persidangan Yang Disempurnakan Oleh
YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

## PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KERAJAAN NEGERI

**Tempat : Hotel Grand Bluewave, Shah Alam**
**Tarikh : 1-3 Disember 2010**



Para Peserta Bersama YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara Di Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2010

Persidangan Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2010 yang bertemakan '**Transformasi Pengauditan Dan Pelaporan Audit Sektor Audit Kerajaan Negeri**' telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri). Peserta seramai 46 orang terdiri daripada Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri, Pengarah-Pengarah Audit Negeri, Timbalan Pengarah Audit Negeri, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai lain yang berkenaan.

Persidangan telah membincang dan mengambil keputusan mengenai Perancangan Strategik Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2011 hingga 2015, Sasaran Kerja Sektor Audit Kerajaan Negeri Tahun 2011, Sasaran Kerja Tahun 2011 Dan 2012 dan Pengauditan Kajian Prestasi Dan Syarikat Tahun 2010. Selain itu, Persidangan juga telah membentangkan 3 kertas kerja, bertajuk Penambahbaikan Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI), Penulisan Baru Format Pelaporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) dan Pengurusan Kewangan Yang Berkesan Di Cawangan Audit Negeri.



Peserta Persidangan Sedang Mengikuti Program Yang Dipengerusikan Oleh YBhg. Dato' Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)

# PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

**Tempat : The Gurney Resort Hotel & Residences,Pulau Pinang**
**Tarikh : 8-9 Disember 2010**




YBrs. Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan sedang memberikan ucapan perasmian

Persidangan ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara pada 8 Disember 2010 melalui rakaman video dan ditutup secara rasminya oleh En. Boon Jon Lin, Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan. Tema Persidangan tahun ini adalah '**Pengauditan Efektif Merealisasikan Program Transformasi Negara**'. Persidangan ini telah dihadiri oleh 169 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dari Ibu Pejabat dan Cawangan Audit Negeri di seluruh Malaysia. Encik Zulkipli bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan turut menghadiri persidangan ini.

Dalam ucapan pembukaan, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara telah mengingatkan pegawai Audit kepada pelbagai isu seperti berikut:

- Pegawai Audit hendaklah melihat standard-standard baru yang dikeluarkan oleh INTOSAI sebagai tanda aras bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti.
- Laporan Ketua Audit Negara sering kali dijadikan wacana politik dan berharap pengauditan yang mantap dan berkredibiliti tinggi.
- Beliau menyarankan inisiatif diambil bagi memastikan pihak Auditi mengambil tindakan susulan terhadap teguran audit.
- Beliau turut menyarankan penglibatan sektor swasta seperti konsultan dan kontraktor diambil kira semasa memberi ulasan terhadap pemerhatian audit. Proses pelantikan kontraktor dan konsultan hendaklah mematuhi pekeliling dan dasar Kerajaan.
- Pengauditan syarikat kerajaan hendaklah dilaksanakan lebih komprehensif dengan membuat *trend* analisis bagi tempoh 5 tahun bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat.
- Beliau memaklumkan sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan supaya idea bernas dapat dihasilkan dan beliau menggalakkan warga Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan untuk menghubungi beliau melalui e-mel atau warkah untuk Ketua Audit Negara bagi menyampaikan idea baru.

Persidangan ini bertujuan:

- Membentangkan Rancangan Audit Tahunan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2011.
- Menyelaras pengauditan di peringkat Ibu Pejabat dengan Cawangan Audit Negeri.
- Mendedahkan pegawai kepada teknik-teknik dan isu-isu terbaru mengenai pengauditan seiring dengan perkembangan semasa.
- Membincangkan isu dan cabaran dalam menjalankan pengauditan.
- Menilai pencapaian Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan memantapkan pengauditan tahun 2011.
- Memupuk semangat kerjasama dan kerja berpasukan di kalangan Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan.

Selaras dengan tema dan objektif persidangan, sebanyak 10 kertas kerja telah dibentangkan semasa persidangan tersebut. Antara kertas kerja yang telah dibentangkan ialah '**Program Transformasi Ekonomi**' dan kertas kerja bertajuk '**Motivasi**' yang masing-masing disampaikan oleh PEMANDU dan Tuan Hj. Aziz bin Mohd Akil, Pengarah Sektor Pengurusan. Ramai perserta yang telah mengambil bahagian dengan mengemukakan pelbagai komen dan soalan semasa sesi pembentangan kertas kerja dijalankan.

# PERSIDANGAN SEKTOR AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN

**Tempat : Hotel Summit, Subang Jaya**
**Tarikh : 20-22 Disember 2010**

Objektif persidangan adalah untuk memberi ruang kepada warga Sektor untuk membincangkan hala tuju bahagian masing-masing dengan mengenalpasti kelemahan dan kekangan yang dihadapi dan memberi cadangan/syor penambaikan. Di samping itu, warga Sektor juga membincangkan bagaimana peranan dan tanggungjawab Sektor Audit Khas & Penyelidikan boleh dimantapkan bagi memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kepada Jabatan amnya dan sektor-sektor lain khususnya.

Berikut merupakan cadangan untuk penambahbaikan bagi memantapkan lagi bahagian-bahagian di Sektor Audit Khas & Penyelidikan:

1. Bahagian Pengauditan Alam Sekitar
   - Peluasan struktur organisasi – Juruaudit dan Teknikal (C48 dan J48)
   - *Outsource/collaboration/parallel audit/transfer of technology*
   - Kerjasama dengan Jabatan lain
   - Peningkatan kompetensi pegawai Audit
   - Cadangan kajian baru dan menjadi sumber rujukan

2. Bahagian Penyelidikan
   - Penubuhan Jawatankuasa Penterjemahan
   - Penubuhan SME
   - Penambahbaikan GP secara berkala
   - Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan dan Penyelidikan
   - Pertambahan perjawatan
   - Mengambil alih korporat untuk memperkemaskan struktur organisasi
   - Skim perjawatan W untuk memudahkan pemahaman
   - Perkemaskan fungsi Bahagian

3. Bahagian Kajian Khas
   - Memperkasakan kompetensi pegawai mengikut kursus/latihan yang bersesuaian
   - Penubuhan Unit Forensik secara pentadbiran
   - Pertambahan jawatan – wujudkan Unit Prestasi, Kewangan dan Pengurusan Aset
   - Pertambahan jawatan di Cawangan Audit Negeri
   - Mengekalkan penempatan pegawai dan kakitangan yang dilatih bagi tempoh 5 tahun

4. Bahagian Pengauditan ICT
   - *Restructuring and upgrading*
   - Penambahbaikan eSPP, *automation working papers;*
   - Mengeluarkan laporan audit yang berkualiti
   - Penggunaan CAATTs
   - GIS
   - Kajian berasaskan elemen proses utama kerajaan
   - Mewujudkan SME dalam bidang IT
   - Mewujudkan *forensic IT auditing*
   - Pensijilan profesional
   - Pemurnian Garis Panduan ICT

5. Bahagian Pemeriksaan Mengejut
   - Peluasan struktur organisasi
   - Mewujudkan *flying squad*
   - Mengadakan perancangan, pemantauan dan pelaporan di HQ
   - Mewujudkan *one stop centre* untuk pemeriksaan mengejut
   - Menambahbaik Garis Panduan Pemeriksaan Mengejut
   - Mengkaji semula kaedah pengauditan
   - Mewujudkan *database* pemeriksaan mengejut
   - *Job rotation*
   - *Empowerment* kepada staf di cawangan negeri
   - Menjadi sumber rujukan

6. Bahagian Pengauditan Air
   - Peluasan struktur organisasi – Teknikal dan Juruaudit
   - Mewujudkan *database* pengauditan air
   - Penambahbaikan Garis Panduan
   - Perkongsian ilmu di peringkat antarabangsa
   - Memberi khidmat nasihat berkenaan pengurusan air kepada semua sektor
   - Menggunakan kepakaran dari bidang-bidang berkaitan
   - Menjadi sumber rujukan

7. Unit Pentadbiran dan Sokongan
   - Sistem Penggiliran Mencatat Minit Mesyuarat Sektor Pengurusan Sektor
   - Borang Tuntutan Perjalanan dikemukakan ke Pentadbiran selewat-lewatnya sebelum atau pada 7hb setiap bulan
   - Mewujudkan daftar/rekod pengisytiharan harta pegawai
